

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
DOKUMEN SEBUT HARGA
BAGI**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA
SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/7/1299
TARIKH BUKA	24 OGOS 2026
TARIKH TUTUP	7 SEPTEMBER 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
www.mbsj.gov.my**

ISI KANDUNGAN

KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 5
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP1-AKP18
F	BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA	BS 1 – BS 8
G	<i>PREAMBLES</i>	P1 - P2
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
J	SENARAI KUANTITI	SK 1 – SK 5
K	PENENTUAN KERJA	PP 1 – PP 8
L	KADAR DENDA BAGI KERJA YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN	KD 1
M	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 2
N	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu, Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan

√

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan

X

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu (1) dari perkara-perkara berikut: a) Salinan Penyata Bank Bulanan bagi tiga (3) bulan terakahir sebelum tarikh tutup Sebut Harga bagi bulan Mei, Jun dan Julai tahun 2026 (penyata bank tersebut hendaklah disahkan oleh pihak bank yang mengemukakan penyata tersebut) atau; b) Jumlah simpanan yang terdiri daripada deposit tetap, Amanah Saham, Tabung Haji (bagi perniagaan jenis milikan tunggal) (jika berkaitan) atau; c) Baki nilai kemudahan kredit (jika berkaitan) dengan pengesahan daripada institusi kewangan atau; d) Nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/ akan diperolehi dengan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan (jika berkaitan) atau; e) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini dan disahkan *dan / atau; *Potong mana yang berkenaan f) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir yang telah disahkan oleh Akauntan bertauliah tersebut bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja; (wajib bagi kontraktor gred G4 hingga G7) Penyata bank di atas mesti DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau ; Salinan Borang Teras ('Super Form') bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	☐	☐
5	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
6.	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
7.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus 'PATUH' – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri di lampiran kepada Arahan Kepada Petender. (Wajib)	☐	☐
8.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan atau Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (bagi kerja dikhususkan kepada bumiputera)	☐	☐
9.	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10.	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain lain seperti: a) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan b) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan c) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat d) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
11.	Salinan Surat Setuju Terima yang DISAHKAN bagi projek-projek telah disiapkan	☐	☐
12.	Petender dikehendaki mengisytiharkan bukti pendaftaran di bawah Seksyen 21 Akta Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (CJCP). (sekiranya berdaftar)	☐	☐
13.	Sijil Pemuatan daripada badan yang diiktiraf (jika ada)	☐	☐
14.	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ ii) _____ iii) _____	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan

√

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan

X

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar. Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada) Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA

- LAMPIRAN 6 -

SURAT AKUAN PEMBIDA Bagi

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN
USJ 20/6 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad
Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN
PEMUNYA BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20,
JALAN USJ 20/6 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

☐

Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM


☐

Berdaftar dengan SSM dan tidak menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (Syarikat enterprise) (perlu menghantar borang tanpa diisi)

☐

Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Tandakan



Nama Syarikat :

Butiran Pemunya Benefisial :

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Saya nombor kad pengenalan / no. pasport.....yang mewakili syarikat / perniagaan nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016[Akta777] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM).

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

*Potong yang mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM
MENANGANI PERMERDAGANGAN ORANG
DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN
USJ 20/6 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang
mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Salinan-salinan Dokumen Meja sebut harga yang merangkumi Ringkasan Sebut Harga, Senarai Kuantiti, *Preambles*, Lokasi, Lukisan, Pelan dan Dokumen sebut harga yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis sebut harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga.

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima sebut harga)

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat sebut harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat sebut harga dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen sebut harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen sebut harga tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-syarat Kontrak dan Senarai Kuantiti yang terletak harganya dan/atau Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika sebut harga ini disetujuterima, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya. Kadar harga yang terletak kadar harga tersebut, selepas diperbetulkan atau diselaraskan sebagaimana yang diperuntukan dalam Syarat-syarat Kontrak, hendaklah menjadi asas bagi menilaikan perakuan bayaran sementara dan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pengawai Penguasa dari semasa ke semasa.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja itu dalam masa () **Bulan** dari tarikh pemilikan tapak bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan di dalam Syarat-Syarat Kontrak.

4. Jumlah amaun sebut harga ini ialah jumlah wang pukat sebanyak **Ringgit Malaysia:**

.....
.....
.....

iaitu, **RM**

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini berniat, jika sebut harga ini disetujui terima, memilih salah satu daripada bentuk Bon Pelaksanaan seperti berikut:

- a) Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful atau
- d) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika sebut harga ini disetujui terima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju terima sebut harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/BPMB/Bank SME/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans/Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;

- (c) Polisi Insurans/Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (e) Petender akan menanggung kos penyediaan fi perkhidmatan bagi pengurusan kontrak sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Perkara 21.0** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.

9. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang sebut harga ini berserta Surat Setuju terima sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

10. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut Harga.

11. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada sebut harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga atau,
- (c) jika sekiranya sebut harga telah disetujui terima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) sebagaimana

dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada _____ haribulan _____ 2026.

Tandatangan Petender

Nama Penuh :

Atas Sifat :

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : _____

Pekerjaan : _____

Alamat : _____

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya
Untuk menandatangani sebut harga ini
untuk dan bagi pihak :

(Meterai atau Cap Petender)

SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.
2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut Harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut Harga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Senarai Kuantiti yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti dan Ringkasan Sebut harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.
3. Jika mana-mana petender:
 - (a) menarik balik Sebut harga nya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
 - (b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau
 - (c) jika sekiranya Sebut harga telah disetujui terima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.
5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Perkara 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.

(b) Jika sesuatu Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi Sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.

(c) Mana-mana Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan Sebut harganya boleh dibayar kepadanya.
6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana- mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan Sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut harganya.
8. Sebut harga - Sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga ") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.
9. Majlis tidak boleh terikat menyetujui Sebut harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.
10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima Sebut harga ") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:
 - (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
 - (b) Polisi Insurans/Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
 - (c) Polisi Insurans/Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
 - (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.
12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.
13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Majlis.
14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.
16. Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.
17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan seperti dibawah :-

$$LAD \text{ per day} = \frac{\% BLR \times Contract Sums}{365 \text{ day}}$$

**(Subject to a minimum of RM100/- perday)*

18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203A (Rev. 1/2010) yang akan digunapakai untuk kerja-kerja ini.
19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjejaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar Petender tidak akan dipertimbangkan.
20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MBSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

BIL.	HURAIAN
	NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan senarai kuantiti yang dinyatakan didalamnya.
B	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan <i>preambles</i> , kerja-kerja awalan dan senarai kuantiti. Ini adalah bertujuan agar petender dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti ini. Petender pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak Petender telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.
C	Lokasi kerja adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam pelan lokasi atau senarai lokasi dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.
	BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK
D	Petender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender.
	PEKERJA / KAKITANGAN PIHAK KONTRAKTOR
E	Pihak kontraktor WAJIB menempatkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja yang akan dijalankan. Pemilik syarikat berdaftar yang sah perlu mengemukakan surat makluman / pemberitahuan yang mengandungi butiran seperti nama penuh, nombor telefon penyelia serta pengesahan oleh pemilik syarikat yang sah bahawa penyelia dilantik adalah merupakan pekerja syarikat yang sah. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.
F	Pihak kontraktor perlu menyediakan segala peralatan perhubungan dan keselamatan yang mencukupi bagi semua pekerja / kakitangan kontraktor yang terlibat di tapak seperti <i>walkie talkie</i> , vest keselamatan, but keselamatan, but kalis air, baju hujan dan lain-lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu.
G	Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada Majlis. Pihak Majlis juga akan mengeluarkan 'NOTIS BERHENTI KERJA' secara lisan dan secara bertulis sekiranya pihak kontraktor masih tidak mematuhi. Kerja-kerja hanya boleh disambung semula sebaik pihak kontraktor mematuhi semua kriteria yang ditetapkan.
H	Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.

BIL.	HURAIAN
A	Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/ Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans
B	Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Jaminan Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,00.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
C	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar petender dapat menjalankan semua perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.
D	Petender pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
E	Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan kerja serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Kerja.
F G	<u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807]</u>
	Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran tanpa kenaan Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya kerja, bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan petender yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai kontrak termasuk kenaan CJCP
	Petender hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan petender untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan petender perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

RINGKASAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

BIL	HURAIAN	JUMLAH (RM)
1.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 2/5	
2.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 3/5	
3.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 4/5	
4.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 5/5	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)		

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH SIAP KERJA : () BULAN

.....
Tandatangan Petender

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenaln :
Alamat :
.....
.....

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenaln :
Alamat :
.....
.....

Cap Rasmi :

No. Telefon :
Tarikh :

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN USJ 20, JALAN USJ 20/6
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/7/1299

BIL	HURAIAN	JUMLAH (RM)
1.0	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM	
	PERSEDIAAN AWALAN	
A	Kerja-kerja awalan seperti penyediaan pengangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/jentera/ loji/lori, buruh bagi kerja-kerja memadam serta mengecat petak parkir dan lain-lain kerja berkaitan mengikut kesesuaian penggunaanya di tapak.	
	Perlindungan Insurans / Takaful	
B	Polisi Takaful/Insurans Tanggungan Awam (iaitu Takaful/Insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta)	
C	Polisi Takaful/Insurans Kerja	
D	Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) **Petender adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.	
E	Membekal dan memasang papan tanda projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan dengan tertera nama projek, nama pegawai penguasa, alamat dan logo seperti gambar yang dilampirkan sebelum projek berjalan hingga siap dan membuka semula papan tanda tersebut serta membaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	
F	Membekal dan memasang dua (2) unit kain rentang saiz 17 kaki X 4 kaki sebagai tanda makluman penutupan lokasi kerja sepanjang projek berjalan	
	Peralatan Keselamatan	
G	Penyediaan peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti papan tanda, amaran / lalulintas, topi keselamatan, kasut keselamatan, <i>safety vest</i> , bendera, lampu bikon, kon dan lain-lain keperluan yang berkaitan sepanjang tempoh kerja untuk semua pekerja / kakitangan kontraktor.	
JUMLAH DIBAWA KE HADAPAN (RM)		

BIL	HURAIAN	JUMLAH (RM)
	JUMLAH DI BAWA DARI HADAPAN (RM):	
1.0	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM (<i>Cont'd</i>)	
	Laporan Bergambar	
A	Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan inbois, pelan lokasi kerja, gambar kerja berserta tarikh dan dijilid kemas.	
	PENYEDIAAN TAPAK (SITE CLEARING)	
B	Kerja-kerja membersihkan tapak dari sampah sarap, semak samun, tunggul kayu dan akar dicabut serta dibuang keluar dari tapak seperti arahan penentuan kerja.	
C	Kerja-kerja penyediaan laluan keluar masuk di atas longkang mengikut kesesuaian di tapak bagi kenderaan (lori, jentera dan lain-lain) ke tapak.	
D	Menyediakan tong roro untuk pelupusan sisa di tapak.	
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)		

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	<i>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (Provisional Quantity), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</i> 2.0 KERJA-KERJA MENGOREK SELURUH PERMUKAAN PADANG & MERATA DAN MEMBENTUK ARAH ALIRAN LARIAN AIR PERMUKAAN PADANG KELUASAN PADANG (40m x 60m) Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja-kerja mengorek permukaan padang sedalam 100mm dan kawasan persekitaran. (Rujuk Penentuan Kerja)				
A	Kerja-kerja mengorek lapisan rumput yang masih boleh digunakan serta lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	M2	2400		
B	Kerja mengorek, menggali, mencungkil serta membuang batu-batu, batu pasir, tanah-tanah yang keras dan lapisan rumput liar diseluruh permukaan padang serta lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	M2	2400		
C	Mengorek, menolak serta membuang lapisan tanah atas sedalam 100mm dan membuang ke tepi kawasan padang serta lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	M2	2400		
D	Kerja menggembur permukaan tanah dengan cara membajak permukaan tanah di seluruh permukaan padang serta lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	M2	2400		
E	Kerja membekal (topsoil), menambak tanah sebanyak 40mm dan merata. Sila rujuk Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja ini dilakukan.	M2	2400		
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	<i>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (Provisional Quantity), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</i>				
3.0	KERJA-KERJA MEMBEKAL PASIR HALUS YANG TELAH DITAPIS KE SELURUH PERMUKAAN PADANG DAN KERJA-KERJA MERATA Kontraktor dikehendaki membekal pasir halus yang bersih (telah ditapis) setebal 60mm di seluruh permukaan padang.				
A	Kerja-kerja membekal, menghampar dan meratakan lapisan pasir halus di seluruh kawasan padang setebal 60mm mengikut arah aliran larian air di atas permukaan padang dengan kecerunan 0.75%. Sila rujuk Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja ini dilakukan.	M2	2400		
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
	<i>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (Provisional Quantity), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</i> 4.0 KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM RUMPUT SECARA SPOT TURF DI SELURUH PEMUKAAN PADANG Kontraktor dikehendaki membekal rumput dari jenis <i>Axonopus Compresus</i> dengan ketulen 80-90% bersama campuran tanah kompos				
A	Kerja membekal dan menanam rumput <i>Axonopus Compresus</i> dengan ketulen 80-90% secara <i>spot turf</i> dengan jarak 100mm setiap satu di seluruh permukaan padang dihampar, diratakan, termasuk penjagaan rumput sehingga hidup subur.	M2	2400		
B	Kerja membaja rumput dengan menggunakan baja NPK (15:15:15) diseluruh permukaan padang.	BAG	10		
C	Kerja menyiram dan penjagaan rumput pada waktu pagi dan petang selepas kerja penanaman sehingga hidup subur.	Hari	30		
D	Kerja menambak pasir halus di setiap ruang antara rumput bagi tujuan merata permukaan padang	M2	1200		
E	Kerja menggelek permukaan padang dengan menggunakan mesin khas (mesin gelek 5 tan) bagi tujuan merata rumput yang baru ditanam.	M2	2400		
	<u>Kemasan Akhir</u>				
F	Kerja-kerja kekemasan akhir di tapak termasuk pembersihan sisa bina keluar dari tapak dan lain-lain kerja yang berkaitan sehingga memuaskan Pegawai Penyelia dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	BORONG	-	-	
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN KERJA

PENENTUAN KERJA

- 1.0 SKOP BIDANG KERJA-KERJA MENGGOREK SELURUH PERMUKAAN PADANG, MERATA DAN MEMBENTUK ARAH LARIAN AIR PERMUKAAN PADANG.**
- 1.1 Kerja mengorek, menggali, mencungkil serta membuang batu-batu, batu pasir, tanah-tanah yang keras dan lapisan rumput liar di seluruh permukaan padang.
 - 1.2 Kerja-kerja membuang bahan asing seperti batu-batu besar, batu-batu kecil, bahan-bahan asing dan tanah keras yang terdapat di dalam permukaan padang dengan kedalaman **100mm** serta memotong dan mencabut apa jua jenis rumput, rumpai dan tumbuhan asing seluruh kawasan padang.
 - 1.3 Bahan-bahan asing yang di maksudkan adalah seperti batu-batu besar, batu-batu kecil, tanah keras, besi, kayu dan lain-lain. Kerja-kerja membuang bahan asing yang terdapat dipermukaan padang perlu di jalankan dengan sebaik yang mungkin bagi memastikan keadaan permukaan padang bersih dari sebarang bahan-bahan asing.
 - 1.4 Kontraktor hendaklah mengadakan lawatan keseluruhan kawasan padang bagi mengenalpasti tempat-tempat yang mempunyai batu-batu, tanah keras dan benda asing.
 - 1.5 Kontraktor dikehendaki menggali dan mencungkil batu-batu, tanah padat, benda asing yang terdapat di dalam permukaan padang dengan menggunakan cangkul, pencungkil atau mesin dan membuangnya ke tepat pelupusan sampah.
 - 1.6 Kerja-kerja tersebut hendaklah samada menggunakan mesin khas atau pun tenaga manusia.
 - 1.7 Segala kekotoran atau sampah sarap yang di korek hendaklah di buang ke tempat pelupusan sampah yang di sediakan.
 - 1.8 Pihak kontraktor diingatkan jangan sekali-sekali melonggokkan sisa-sisa kotoran atau sampah sarap di tepi padang.

- 1.9 Kerja-kerja mengorek lapisan rumput yang masih boleh digunakan dan di kumpulkan di tempat semaian sementara. Sila rujuk Pegawai Penguasa atau wakilnya bagi tujuan ini.
 - 1.9.1. Kontraktor dikehendaki berhubung dengan Pegawai Penguasa atau wakilnya bagi mengenalpasti jenis rumput yang masih boleh dipakai untuk ditanam semula.
 - 1.9.2 Rumput-rumput yang dikenalpasti dan yang terpilih hendaklah dicangkul dengan membentuk empat segi bersama tanah (bahagian akar) dan hendaklah rumput-rumput yang subur dan bersih dari sebarang rumpai.
 - 1.9.3 Tapak semaian sementara hendaklah terletak dikawasan yang terlindung dari cahaya matahari secara terus.
 - 1.9.4 Rumput yang dicangkul tadi hendaklah diletakkan di tempat tapak semaian sementara secara tersusun dan di siram setiap hari agar ianya tidak mati.
- 1.10 Menggorek, menolak serta membuang lapisan tanah atas sedalam **100mm** dan membuang ke tepi kawasan padang mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.



- 1.10.1. Sebelum kerja-kerja dijalankan, kontraktor dikehendaki membuat ukuran padang yang akan dinaiktaraf dan membuat tanda ukuran.
- 1.10.2 Bagi kerja-kerja menggorek, menolak serta membuang lapisan tanah atas, jentera (jentolak) hendaklah digunakan bagi kerja-kerja tersebut.
- 1.10.3 Kedalaman kerja-kerja tersebut adalah sedalam 10cm untuk seluruh kawasan padang.

- 1.10.4 Sisa-sisa tanah yang telah dikorek hendaklah di tolak ke tepi kawasan padang dan di ratakan ke kawasan yang rendah. Sila rujuk Pegawai Penguasa atau wakilnya bagi tujuan ini.
- 1.10.5 Kawasan padang yang dikorek tadi hendaklah diratakan.
- 1.11 Kerja menggembur permukaan tanah dengan cara membajak permukaan tanah di seluruh permukaan padang.



- 1.11.1 Kerja-kerja membajak seluruh permukaan padang perlu dilakukan bagi tujuan menggembur lapisan tanah atas.
- 1.11.2 Kerja menggembur ini hendaklah menggunakan jentera khas yang mampu untuk memecahkan dan menggemburkan lapisan tanah.
- 1.11.3 Menggembur permukaan tanah serta meratakannya. Tanah di permukaan padang perlu digemburkan secara menyeluruh.
- 1.12 Kerja merata, menambak tanah dan membentuk arah larian air permukaan padang dengan kecerunan 0.75%. Sila rujuk Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum kerja-kerja ini dilakukan.



- 1.12.1 Kerja membentuk arah larian air permukaan padang dengan kecerunan 0.75% hendaklah dibuat bagi memastikan arah larian air permukaan padang selari dengan permukaan padang yang dibentuk.




2.0 SKOP BIDANG KERJA-KERJA MEMBEKAL PASIR HALUS YANG TELAH DITAPIS KE SELURUH PERMUKAAN PADANG DAN KERJA-KERJA MERATA

2.1 Kontraktor dikehendaki membekal pasir halus putih yang telah ditapis dan yang telah dibersihkan ke seluruh permukaan padang **setebal 60mm.**




2.2 Permukaan pasir yang disediakan kemudiannya hendaklah diratakan diseluruh permukaan padang mengikut arah larian air permukaan padang.



3.0 SKOP BIDANG KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM RUMPUT SECARA 'SPORT TURF' DI SELURUH PERMUKAAN PADANG.



- 3.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan rumput dari jenis Axonopus compresus dengan 80-90% dan hendaklah disusun secara rapi semasa proses mengalihkan dari lori ke kawasan tapak agar struktur rumput bersama akar tidak terlerai.
- 3.2 Rumput yang dibekalkan hendaklah bersama tanah kompos yang melekatkan akar-akar rumput.



- 3.3 Rumput yang dibekalkan hendaklah ditanam terus apabila sampai ke tapak (padang)
- 3.4 Jarak penanaman antara rumput adalah **10cm** setiap satu dan sebelum rumput ditanam, permukaan padang hendaklah dikorek/gali sedikit bagi melekatkan kepingan rumput tadi kepada permukaan padang.



- 3.5 Proses menanam rumput tersebut hendaklah dijalankan dengan lebih teliti bagi memastikan pertumbuhan rumput yang baik. Sila pastikan supaya tiada sebarang rumput asing di tanam semasa kerja-kerja penanaman di buat. Jika terdapat rumput asing atau rumpai tumbuh di kepingan rumput yang akan di tanam, pihak kontraktor hendaklah menggantikannya dengan kos di tanggung oleh pihak kontraktor sendiri.



- 3.6 Setelah semua rumput di tanam, kerja-kerja penyiraman hendaklah dilakukan seberapa segera yang boleh. Sila pastikan pancutan air siram adalah kecil bagi mengelakkan rumput dari tercabut atau lari dari kedudukan asalnya.
- 3.7 Sebaik kerja-kerja penanaman rumput selesai, ruang-ruang diantara rumput tadi hendaklah ditambah dengan pasir halus bagi tujuan meratakan permukaan padang.



- 3.8 Setelah pasir halus di masukkan diantara celah-celah rumput, kerja-kerja menggelek dengan menggunakan mesin/jentera khas hendaklah dilakukan.



- 3.9 Sila pastikan padang di siram terlebih dahulu sebelum kerja-kerja menggelek dilakukan.
- 3.10 Kekerapan pusing menggelek permukaan padang yang baru ditanam rumput adalah sebanyak dua (2) pusingan dan ianya boleh ditambah jika di arahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya yang tidak berpuashati terhadap kualiti permukaan padang yang ada.
- 3.11 Kerja pembajaan dengan menggunakan **Baja NPK-15:15:15** hendaklah dilakukan sebaik sahaja semua kerja menanam dan menggelek selesai.
- 3.12 Kerja pembajaan hendaklah menggunakan mesin baja khas bagi tujuan meratakan seluruh permukaan padang memperolehi baja secukupnya. Jumlah beg baja yang diperlukan adalah sebanyak 10 beg baja.



4.0 Lain-lain Kerja Berkaitan

Pihak kontraktor perlu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan Penyelenggaraan Padang Awam jika diarah berbuat demikian.

5.0 Pakaian Seragam

Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam sebagai tanda pengenalan terhadap semua pekerja yang bertugas dalam kontrak ini.

6.0 Punca Air

Kontraktor dikehendak mencari sendiri sumber air untuk tujuan kerja-kerja penyiraman. Kontrktor tidak dibenar sama sekali mengambil air daripada saluran pemadam api. Arahan ini hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah diulang dari semasa ke semasa.

7.0 Tuntutan Gantirugi Ke Atas Kerugian Atas Kegagalan Pelaksanaan Kerja Kontraktor Atau Kecurian

- 7.1 Kontraktor akan membayar gantirugi kepada pihak MBSJ dikira berdasarkan kepada kos kerugian sekiranya ianya terbukti disebabkan oleh kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak ini atau sebab kecuaiannya.
- 7.2 Sekiranya pihak MBSJ terpaksa membuat sendiri atau memanggil kontraktor lain dalam melaksanakan kerja dalam kontrak ini, kos tersebut akan dituntut dari kontraktor dan kontraktor berkenaan mesti menanggungnya.
- 7.3 Kontraktor dikehendaki mengenalpasti sendiri lokasi-lokasi punca air tersebut untuk membuat perancangan sendiri bagaimana kerja-kerja penyelenggaraan akan dijalankan. Pihak MBSJ boleh memberikan kebenaran penggunaan air tanpa mengenakan sebarang bayaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA BAGI KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN

1.0 KADAR DENDA BAGI KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN.

1.1	PENYEDIAAN INSURAN & PAPAN TANDA	
	1.1.1 Insuran Pampasan Pekerja.	RM50.00 bagi setiap pekerja.
	1.1.2 Insuran Tanggungan Awam.	RM50.00 bagi setiap pekerja.
	1.1.3 Papan Tanda	RM50.00 bagi setiap hari.
1.2	PERALATAN KERJA	
	1.2.1 Jentera, mesin dan peralatan-peralatan yang berkaitan.	RM50.00 bagi setiap hari.
1.3	KERJA-KERJA MENGOREK SELURUH PERMUKAAN PADANG, MERATA DAN MEMBENTUK ARAH LARIAN PERMUKAAN AIR PERMUKAAN PADANG	
	1.3.1 Mengorek dan membuang batu, tanah keras rumput liar serta akar-akar pokok	RM50.00 bagi setiap hari.
	1.3.2 Mengorek lapisan rumput.	RM50.00 bagi setiap hari.
	1.3.3 Mengorek, menolak dan membuang lapisan tanah atas sedalam 150mm.	RM50.00 bagi setiap hari.
	1.3.4 Mengembur permukaan tanah.	RM50.00 bagi setiap hari.
	1.3.5 Merata dan membentuk arah larian air permukaan.	RM50.00 bagi setiap hari.
1.4	KERJA-KERJA MEMBEKAL PASIR HALUS YANG TELAH DITAPIS SELURUH PERMUKAAN PADANG DAN KERJA-KERJA MERATA.	
	1.4.1 Membekal pasir halus ke seluruh permukaan padang.	RM50.00 bagi setiap hari.
	1.4.2 Merata lapisan pasir mengikut arah larian air permukaan.	RM50.00 bagi setiap hari.
1.5	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM RUMPUT SECARA 'SPOT TURF' DI SELURUH PERMUKAAN PADANG.	
	1.5.1 Membekal dan menanam rumput 'Axonopus Compressus' dengan ketulenan 80-90%.	RM50.00 bagi setiap meter persegi.
	1.5.2 Kerja membaja menggunakan Baja NPK.	RM50.00 bagi setiap meter persegi.
	1.5.3 Menambak pasir halus disetiap ruang antara rumput.	RM50.00 bagi setiap meter persegi.
	1.5.4 Kerja menggelek permukaan padang.	RM50.00 bagi setiap beg.
	1.5.5 Kerja menyiram rumput selepas kerja penanaman rumput	RM50.00 bagi setiap meter persegi.





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M


PELAN LOKASI / GAMBAR

PELAN LOKASI, PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN
MBSJ USJ 20, JALAN USJ 20/6, SUBANG JAYA,
SELANGOR
DARUL EHSAN

	TANPA SKALA	TAJUK : LOKASI PADANG BOLA SEPAK LAMAM SUKAN MBSJ USJ 20, JALAN USJ 20/6, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	HARTA SUBJEK	 DISEDIAKAN OLEH : BAHAGIAN KEMUDAHAN & PEMBANGUNAN SUKAN, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MBSJ	PELAN LOKASI
---	-------------	---	--------------	--	--------------



SPESIFIKASI PAPAN TANDA MAKLUMAN





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

MAKLUMAT PETENDER